

D.R. 14/2009

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa—

- (a) peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau
- (b) semua peruntukan atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berkenaan dengan kelas atau kategori orang atau sekuriti yang berlainan.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

- (a) dengan memasukkan selepas takrif “Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal” takrif yang berikut:

“Majlis Penasihat Syariah” ertinya Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah seksyen 316A;”;
dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “unit” takrif yang berikut:

‘ “urusan atau transaksi pasaran modal Islam”
ertinya—

- (a) urusan menjalankan mana-mana aktiviti terkawal;
- (b) apa-apa cadangan yang termasuk dalam subseksyen 212(2);
- (c) apa-apa transaksi yang berhubungan dengan kontrak niaga hadapan; atau
- (d) penubuhan, pengendalian atau penyenggaraan suatu pasaran saham atau pasaran niaga hadapan,

yang tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak selaras dengan prinsip Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah;’.

Pindaan seksyen 63

3. Subseksyen 63(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan” dengan perkataan “Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993”.

Pindaan seksyen 216

4. Subseksyen 216(1) Akta ibu dipinda—

(a) dalam takrif “kawalan”—

- (i) dengan menggantikan perkataan “hak mengundi sebanyak tiga puluh peratus atau lebih” dengan perkataan “hak mengundi sebanyak lebih daripada tiga puluh tiga peratus”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “dalam sesuatu syarikat”, perkataan “, walau bagaimana juapun dijalankan”; dan
- (b) dengan menggantikan takrif “tawaran pengambilalihan” dengan takrif yang berikut:

“tawaran pengambilalihan” ertinya sesuatu tawaran yang dibuat untuk mengambil semua atau sebahagian syer mengundi atau hak mengundi, atau mana-mana kelas atau kelas-kelas syer mengundi atau hak mengundi, dalam suatu syarikat dan termasuklah—

- (a) suatu transaksi pengambilalihan atau percantuman walau bagaimana juapun dijalankan yang mempunyai kesan atau berpotensi untuk mempunyai kesan mendapatkan atau mengukuhkan kawalan dalam syarikat itu;
- (b) suatu tawaran separa sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kod;
- (c) suatu tawaran pengambilalihan oleh suatu syarikat induk bagi syer mengundi atau hak mengundi dalam subsidiarinya; atau
- (d) suatu perkiraan atau penyusunan semula yang melibatkan syer mengundi atau hak mengundi suatu syarikat tersenarai;’.

Pindaan seksyen 220

5. Perenggan 220(1)(a) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “peruntukan” perkataan “Penggah ini,”.

Pindaan seksyen 222

6. Subseksyen 222(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “termasuk syer yang telah dipegang” dengan perkataan “tidak termasuk syer yang telah dipegang”.

Seksyen baru 316A, 316B, 316C, 316D, 316E, 316F, 316G dan 316H

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 316 seksyen yang berikut:

“Penubuhan Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam

316A. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan suatu Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam yang hendaklah menjadi pihak berkuasa bagi penentuan pemakaian prinsip Syariah bagi maksud urusan atau transaksi pasaran modal Islam.

(2) Majlis Penasihat Syariah boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Fungsi Majlis Penasihat Syariah

316B. Majlis Penasihat Syariah hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menentukan pemakaian prinsip Syariah mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam dan mengeluarkan keputusan apabila dirujuk kepada mengikut Bahagian ini;
- (b) untuk menasihati Suruhanjaya mengenai apa-apa isu Syariah yang berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam;
- (c) untuk memberikan nasihat kepada mana-mana orang mengenai apa-apa isu Syariah yang berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam; dan
- (d) apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

Pelantikan anggota Majlis Penasihat Syariah

316C. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas nasihat Menteri selepas berunding dengan Suruhanjaya, melantik sebagai anggota Majlis Penasihat Syariah orang yang mempunyai kelayakan dalam—

- (a) *fiqh muamalah*;

- (b) jurisprudens Islam;
- (c) kewangan Islam; atau
- (d) apa-apa disiplin lain yang berkaitan.

(2) Jika seorang hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, atau seorang hakim Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri atau Wilayah Persekutuan hendak dilantik di bawah subseksyen (1), pelantikan itu tidak boleh dibuat kecuali—

- (a) dalam hal seorang hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, selepas rundingan dibuat oleh Suruhanjaya dengan Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan; dan
- (b) dalam hal seorang hakim Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri atau Wilayah Persekutuan, selepas rundingan dibuat oleh Suruhanjaya dengan Ketua Hakim Syarie Negeri atau Wilayah Persekutuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Seseorang anggota Majlis Penasihat Syariah yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah memegang jawatan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diperuntukkan dalam surat pelantikan mereka masing-masing, dan adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Anggota Majlis Penasihat Syariah hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Urus setia Majlis Penasihat Syariah

316D. Suruhanjaya boleh—

- (a) menubuhkan urus setia dan apa-apa jawatankuasa lain yang difikirkannya perlu untuk membantu Majlis Penasihat Syariah dalam menjalankan fungsinya di bawah seksyen 316B; dan
- (b) melantik seorang pegawai Suruhanjaya atau mana-mana orang lain untuk menjadi anggota urus setia atau mana-mana jawatankuasa itu.

Nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Syariah

316E. Mana-mana orang berlesen, bursa saham, bursa niaga hadapan, pusat penjelasan, depositari pusat, perbadanan tersenarai atau mana-mana orang lain boleh—

- (a) mendapatkan nasihat; atau
- (b) membuat rujukan untuk mendapatkan suatu keputusan,

Majlis Penasihat Syariah mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam untuk memastikan sama ada urusan atau transaksi pasaran modal Islam itu tidak melibatkan apa-apa elemen yang tidak konsisten dengan Syariah.

Rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah bagi keputusan daripada mahkamah atau penimbang tara

316F. (1) Jika dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbang tara mengenai suatu perkara Syariah berhubungan dengan urusan atau transaksi pasaran modal Islam, mahkamah atau penimbang tara itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah—

- (a) mengambil kira apa-apa keputusan Majlis Penasihat Syariah; atau
- (b) merujukkan perkara itu kepada Majlis Penasihat Syariah untuk keputusannya.

(2) Apa-apa permintaan untuk nasihat atau suatu keputusan Majlis Penasihat Syariah di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain hendaklah dikemukakan kepada urus setia.

Kesan keputusan Syariah

316G. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah di bawah seksyen 316E atau 316F hendaklah mengikat—

- (a) orang berlesen, bursa saham, bursa niaga hadapan, pusat penjelasan, depositori pusat, perbadanan tersenarai atau mana-mana orang lain yang disebut dalam seksyen 316E; dan

- (b) mahkamah atau penimbang tara yang disebut dalam seksyen 316F.

Keputusan Majlis Penasihat Syariah terpakai

316H. (1) Jika keputusan yang diberikan oleh seorang penasihat Syariah berdaftar kepada seseorang yang terlibat dalam apa-apa urusan atau transaksi pasaran modal Islam berbeza dengan keputusan yang diberikan oleh Majlis Penasihat Syariah, keputusan Majlis Penasihat Syariah hendaklah terpakai.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “penasihat Syariah berdaftar” ertinya seseorang yang berdaftar di bawah mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 377.”.

Seksyen baru 317A

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 317 seksyen yang berikut:

“Kelakuan yang dilarang oleh pengarah atau pegawai perbadanan tersenarai

317A. (1) Seorang pengarah atau pegawai suatu perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya tidak boleh melakukan atau menyebabkan seseorang untuk melakukan apa-apa jua dengan niat menyebabkan kerugian salah terhadap perbadanan tersenarai itu atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya tidak kira sama ada kelakuan itu menyebabkan kerugian salah sebenar.

(2) Seksyen ini adalah tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kewajipan atau liabiliti pengarah atau pegawai suatu perbadanan tersenarai.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

“harta” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam seksyen 138;

“kerugian salah” ertinya kerugian harta dengan cara yang menyalahi undang-undang yang kepadanya orang yang kerugian itu berhak di sisi undang-undang;

“pengarah” termasuklah seseorang yang merupakan seorang pengarah, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, ketua pengawal kewangan atau mana-mana orang lain yang secara terutamanya bertanggungjawab bagi pengendalian atau pengurusan kewangan sesuatu syarikat, walau apa jua nama disebut.”.

Pindaan seksyen 319

9. Subseksyen 319(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “subseksyen (1)” dengan perkataan “subseksyen (3)”.

Seksyen baru 320A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 320 seksyen yang berikut:

“Penyata kewangan palsu atau mengelirukan perbadanan tersenarai

320A. (1) Seseorang tidak boleh mempengaruhi, memaksa, mengelirukan atau memberi kuasa mana-mana orang yang terlibat dalam—

- (a) penyediaan penyata kewangan perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya; atau
- (b) pelaksanaan audit ke atas penyata kewangan perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya,

untuk melakukan apa-apa yang diketahuinya atau semunasabahnya patut diketahuinya boleh menyebabkan penyata kewangan atau penyata kewangan teraudit itu menjadi palsu atau mengelirukan dalam butir-butir yang material.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh juta ringgit.”.

Pindaan seksyen 368

11. Subseksyen 368(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal” dengan perkataan “, seseorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya”.

Pindaan seksyen 371

12. Seksyen 371 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “apa-apa rekod atau akaun yang dikehendaki disimpan atau disenggarakan di bawah Akta ini” dengan perkataan “apa-apa buku, rekod atau akaun yang dikehendaki disimpan atau disenggarakan di bawah undang-undang sekuriti, mana-mana garis panduan yang dikeluarkan di bawah undang-undang sekuriti”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “mana-mana kuasa di bawah Akta ini” dengan perkataan “mana-mana kuasa di bawah undang-undang sekuriti”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (“Akta 671”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam, untuk meningkatkan standard tadbir urus korporat bagi pengarah dan pegawai perbadanan tersenarai, untuk meminda peruntukan yang berhubungan dengan pengambilalihan dan percantuman dan bagi perkara-perkara bersampingan yang lain.

2. *Fasal 1* mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan peruntukan bagi permulaan kuat kuasa Rang Undang-Undang.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 671 untuk memasukkan takrif “Majlis Penasihat Syariah” dan “urusan atau transaksi pasaran modal Islam” selaras dengan penubuhan Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 63(2) Akta 671 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 23 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*] yang berhubungan dengan penubuhan suatu Kumpulan Wang. Dengan pindaan yang dicadangkan, fi lesen hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan fungsi-fungsi tambahan pengawalseliaan yang termasuk mengadakan pemantauan yang bebas ke atas juruaudit entiti berkepentingan awam.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 216(1) Akta 671 untuk meminda takrif “kawalan” dan “tawaran pengambilalihan” yang sedia ada.

Takrif “kawalan” dipinda supaya selaras dengan seksyen 33 Akta 498 untuk mengekalkan ambang kawalan semasa pada takat lebih daripada tiga puluh tiga peratus syer mengundi atau hak mengundi. Takrif itu juga dipinda untuk menjelaskan bahawa apa-apa kawalan walau bagaimana juapun dijalankan akan dikawal selia di bawah peruntukan-peruntukan yang berkaitan Akta 671.

Takrif “tawaran pengambilalihan” digantikan bagi maksud menjelaskan keadaan-keadaan yang akan menyebabkan suatu tawaran pengambilalihan dikawal selia oleh Kod. Pengawalseliaan tawaran itu adalah perlu bagi memastikan pemegang syer dilayan dengan saksama dan kepentingan pemegang syer minoriti dilindungi dalam pelbagai hal keadaan yang dalamnya pengambilalihan dan percantuman dijalankan.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 220(1)(a) Akta 671 untuk menjelaskan bahawa Suruhanjaya boleh mengarahkan mana-mana orang yang mungkir untuk mematuhi mana-mana peruntukan Penggal 2 Bahagian VI Akta 671.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 222(1) Akta 671 berhubung dengan pengambilan paksa syer dalam sesuatu syarikat oleh pembuat tawaran. Subseksyen 222(1) yang sedia ada tidak menggambarkan dasar semasa tentang ambang bagi pengambilan paksa yang ketika ini diperuntukkan di bawah subseksyen 34(1) Akta 498. Subseksyen 34(1) Akta 498 memperuntukkan bahawa ambang sembilan puluh peratus itu tidak termasuk syer yang dipegang oleh pembuat tawaran atau orang yang bertindak bersama-sama. Justeru, pindaan kepada subseksyen 222(1) bertujuan untuk mengekalkan pengiraan yang serupa bagi ambang pengambilan paksa sebagaimana yang diperuntukkan pada masa ini dalam subseksyen 34(1) Akta 498.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 316A, 316B, 316C, 316D, 316E, 316F, 316G dan 316H ke dalam Akta 671 untuk menubuhkan Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam dan menyatakan fungsi dan kuasanya. Penubuhan itu adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk

meletakkan Malaysia sebagai hab antarabangsa bagi kewangan Islam. Peruntukan-peruntukan ini akan meletakkan Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam di atas landasan statutori yang kukuh bagi memastikan Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan pasaran modal Islam.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 317A untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pengarah atau pegawai perbadanan tersenarai yang menyebabkan kerugian salah kepada perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungan yang membawa kemudaratan kepada para pemegang syer perbadanan tersenarai itu dan bertujuan untuk mengelakkan aset perbadanan tersenarai daripada dilesapkan secara salah oleh pihak yang menguruskan hal ehwal perbadanan tersenarai itu.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda subseksyen 319(4) Akta 671 untuk meminda rujukan silang daripada subseksyen 319(1) kepada subseksyen 319(3) Akta 671 untuk memastikan sesuatu perbadanan tersenarai memegang simpanan rekod perakaunan yang disebut dalam subseksyen 319(3) bagi tempoh tujuh tahun.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 320A ke dalam Akta 671 untuk melarang mana-mana orang daripada mempengaruhi, memaksa, mengelirukan atau memberi kuasa mana-mana orang yang terlibat dalam penyediaan atau dalam audit penyata kewangan perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berhubungannya untuk menyebabkan penyata kewangan atau penyata kewangan teraudit itu menjadi salah atau mengelirukan. Seksyen baru ini bertujuan untuk memastikan bahawa penyata kewangan perbadanan tersenarai adalah sumber maklumat yang boleh dipercayai kepada pelabur.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 368(1) Akta 671 untuk memperluas pemakaian peruntukan itu supaya meliputi rekod perakaunan perbadanan tersenarai dan perbadanan yang berhubungannya. Pindaan ini bertujuan untuk melarang pemalsuan rekod perakaunan perbadanan tersenarai dan perbadanan yang berhubungannya.

13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 371 Akta 671 bagi membolehkan Suruhanjaya mengambil tindakan terhadap orang yang memusnahkan, menyembunyikan, mencatatkan atau mengubah rekod perakaunan perbadanan tersenarai atau perbadanan yang berhubungannya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2697]